

**PERKEMBANGAN SURATKHBAR DAN MAJALAH DI JOHOR SEBELUM
PERANG DUNIA KEDUA**

DEVELOPMENT OF THE PRESS IN JOHOR BEFORE THE SECOND WORLD WAR

Siti Zahrah Mahfood*
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia

Mahani Musa**
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK)
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia

Abstrak

Johor sering diingati sebagai negeri tertubuhnya parti politik Melayu yang pertama di negara ini, UMNO. Namun satu lagi signifikan negeri ini yang kurang mendapat perhatian dalam pensejarahan Malaysia ialah kewujudan pelbagai akhbar dan majalah termasuk majalah wanita pertama di Tanah Melayu iaitu *Bulan Melayu* pada tahun 1930. Artikel ini bertujuan mengkaji sejarah kemunculan dan perkembangan kegiatan akhbar dan majalah di negeri itu sebelum Perang Dunia Kedua. Antara yang diteliti ialah lokasi utama kegiatan tersebut, pelopor dan faktor yang menyumbang kepada kepesatan tersebut. Sumber primer utama bagi kajian ini ialah akhbar dan majalah yang diterbitkan di Johor dalam lingkungan 1920-an hingga 1941, selain dokumen dan rekod-rekod yang dikeluarkan oleh pihak British dan kerajaan negeri Johor. Hasil dapatan kajian ini mendapati kepesatan Johor dalam kegiatan persuratkhabaran dan permajalahan sebelum Perang Dunia Kedua amat berkait rapat dengan aspirasi rakyat dan pemerintah negeri itu untuk menghadapi cengkaman imperialisme British dan sebagai impak gerakan pemodenan sejak pertengahan abad ke-19 yang turut menyaksikan kemajuan dalam aspek keintelektualan yang diterajui oleh golongan guru sekolah, madrasah, pentadbir, dan persatuan di negeri itu.

Kata Kunci: Akhbar, Majalah, Johor, Imperialisme British, Pemodenan

Abstract

Johor is often remembered as the state that witnessed the formation of the first Malay political party in this country, UMNO. Of similar significance, something that is often marginalised in Malaysian historiography, is the existence of myriad newspapers and magazines including the first women magazine in Malaya namely Bulan Melayu which was established in 1930. This article aims to examine the history of the emergence of newspapers and magazines in this state and their development before the Second World War. Some of the aspects looked into are the major locations in the publication of newspapers and magazines, the pioneers and factors contributing to its development. The sources used in this research are newspapers and magazines that were published in Johor from the 1920s until 1941, besides official documents and records issued by the British and the Johor government. The outcome of the research shows Johor's involvement in newspapers and magazines before the Second World War was closely related to inspiration from the masses and the state in facing the pressure of British imperialism and as impact of modernisation undertaken by the state since the mid-19 century that witnessed

development in the intellectual aspect that involved school teachers, religious schools, administrators and associations in the state.

Keywords: *Newspapers, Magazines, Johor, British Imperialism, Modernisation*

Pengenalan

Kajian, penulisan, penyelenggaraan mahupun usaha menyenaraikan akhbar dan majalah yang muncul di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua telah banyak dihasilkan dan tidak akan diulas lanjut dalam kajian ini.¹ Walau bagaimanapun, rata-rata kajian yang dihasilkan setakat ini lebih berkisar kepada sejarah perkembangan akhbar dan majalah secara umum atau kajian yang memberi tumpuan kepada satu akhbar atau majalah yang khusus. Agak terpinggir dalam kajian ini ialah tentang perkembangan kegiatan penerbitan akhbar dan majalah di sesebuah negeri. Mohd. Sarim Mustajab merupakan antara sarjana yang kerap menampilkan kekuatan sesuatu tempat itu sebagai pusat percetakan akhbar. Beliau jugalah antara sarjana yang paling awal memberi tumpuan kepada kegiatan kewartawanan di Johor. Melalui artikelnya yang berjudul "Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941," Sarim menyifatkan kegiatan keintelektualan dan kewartawanan di Johor sebelum Perang Dunia Kedua begitu signifikan malah jauh lebih baik berbanding negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu mahupun Negeri-negeri Selat.² Walau bagaimanapun beliau tidak menganalisis lanjut peranan dan sumbangan akhbar dan majalah Johor sebagai saluran pemodenan negeri Johor. Bertitik tolak daripada kelompangan inilah maka artikel ini diusahakan.

Kajian bertumpuan negeri atau mikro menjadi penting dalam konteks ini kerana ia dapat menonjolkan bagaimana golongan intelektual di Johor memberi respon kepada ancaman yang melanda negeri mereka, iaitu British dan mengimbangi impak pemodenan yang dilaksanakan oleh pemerintah mereka sendiri. Justifikasi pemilihan Johor sebagai skop artikel ini adalah kerana Johor merupakan antara negeri yang mencatatkan jumlah penerbitan majalah dan akhbar yang paling tinggi berbanding Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain, merupakan antara negeri yang paling lewat menerima kemasukan British dan merupakan satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang melakukan gerakan pemodenan atau pembaratan secara besar-besaran sejak pertengahan abad ke-19 sebagai satu cara untuk menangkis kemasukan penjajah ke negeri itu. Dalam konteks dan semangat inilah sejarah kegiatan persuratkhabaran dan majalah di Johor berkembang. Artikel ini meneliti sejarah kemunculan dan perkembangan kegiatan persuratkhabaran di negeri itu dengan memberi tumpuan kepada daerah utama kegiatan tersebut, pelopor dan faktor yang menyumbang kepada kepesatan tersebut.

Perkembangan Kegiatan Persuratkhabaran Di Johor hingga 1941

Dekad awal abad ke-20 memperlihatkan kegiatan persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu memasuki satu era baharu dari segi peranan dan temanya. Meskipun persoalan lama seperti agama, sosioekonomi, bahasa dan kesusasteraan masih lagi diperkatakan, sekitar 1930-an aspek politik mula diberikan tumpuan yang serius terutama yang berkait dengan perihal

mengembalikan semula hak-hak pentadbiran negeri dan hak-hak politik kepada orang Melayu. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana sebagaimana ulas Harper (1999) tempoh selepas Perang Dunia Pertama hingga zaman kemelesetan (1928-1933) menyaksikan masyarakat di Tanah Melayu berhadapan dengan arus modenisasi yang hebat yang turut melanda seluruh dunia pada waktu itu. Tempoh ini merupakan tempoh yang mencabar namun meningkatkan kematangan anak tempatan. Tempoh ini menyaksikan golongan terdidik Melayu bangkit menubuhkan persatuan dan menerbitkan akhbar dan majalah sebagai satu saluran pengetahuan dan pemupukan semangat kesedaran dalam berhadapan dengan pemodenan dan juga ekor peningkatkan kemasukan imigran yang mula mencabar kedudukan orang Melayu di tanahair sendiri.³

Negeri Johor merupakan salah sebuah negeri di Tanah Melayu yang bergerak cergas dalam penerbitan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua. Perkembangan ini dapat dilihat apabila negeri tersebut telah menerbitkan 19 buah akhbar dan majalah sebelum Perang Dunia Kedua. Akhbar dan majalah tersebut ialah *Harapan* (1919), *Lidah Teruna* (1920), *Peluang* (1920), *Masa* (1924), *Perjumpaan Melayu* (1925), *Panji-panji Melayu* (1925), *Lembaran Guru* (1926), *Al-Johoriah* (1926), *Jasa* (1927), *Bulan Melayu* (1930), *Cahaya* (1930), *Katok-katok* (1930), *Taja Penghiburan* (1934), *Majalah Pemuda* (1935), *Idaman* (1940), *Taman Paspam* (1940), *Lembaga Malaya* (1938) dan *Lembaga* (1938), *Semangat Melayu* (1940).

Kegiatan suratkhbar dan majalah di Johor telah bermula sejak 1919 apabila tiga daerah iaitu Muar, Johor Bahru dan Batu Pahat telah bergiat cergas dalam penerbitan akhbar dan majalah. Ketiga-tiga daerah ini merupakan daerah yang besar dan mempunyai pentadbirannya sendiri. Muar muncul sebagai salah sebuah pusat kegiatan intelektual yang penting pada tahun 1920-an apabila terdapat lebih kurang tujuh buah syarikat percetakan di daerah itu dan sebanyak lapan buah akhbar dan majalah telah diterbitkan di daerah tersebut. Menurut Roff (1975), kepesatan penerbitan akhbar dan majalah di Johor antara tahun 1920 hingga 1941 sebenarnya selari dengan era pertumbuhan kesedaran politik dan perkembangan persatuan-persatuan di negeri Johor sejak 1920-an.⁴ Kewujudan pelbagai kelab sosial, persatuan guru, persatuan perniagaan, dan persatuan di bawah teraju kaum wanita di Johor dalam tempoh tersebut turut mempercepatkan serta mempertingkatkan usaha penerbitan akhbar dan majalah di negeri itu.

Perkembangan dalam kegiatan persuratkhbar dan majalah di Johor juga turut berpunca daripada iklim keintelektualannya yang tersemat sejak zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar (1862-1895). Sultan Abu Bakar dilihat bertanggungjawab melaksanakan pemodenan di negeri itu untuk mengelakkan negeri itu jatuh ke tangan pihak kolonial.⁵ Dalam konteks ini, akhbar dan majalah yang diterbitkan di negeri itu telah bertindak sebagai penganjur dan penyokong, dan dalam masa yang sama bertindak sebagai pengimbang kepada gejala sosial yang muncul daripada proses pemodenan tersebut. Pengaruh dari Singapura serta sokongan pemerintah turut memberi kelebihan kepada kegiatan tersebut. Kesannya juga bukanlah sedikit, malah sejarah telah membuktikan bahawa suara kesedaran dan penentangan terhadap cita-cita penguasaan semula British selepas pengunduran Jepun sebenarnya digerakkan dan diterajui oleh golongan pentadbir dari negeri Johor serta akhbar dan majalah dari negeri tersebut.

Perkembangan persuratkhabaran dan majalah di Johor berlaku kerana golongan intelektual Melayu Johor sama ada yang berpendidikan Melayu, agama dan Inggeris mula memberi perhatian kepada kedudukan masyarakat Melayu yang masih mundur di bawah pemerintahan British dan menggunakan media tersebut untuk menyampaikan seruan kesedaran. Kedudukan Johor yang terletak di antara dua Negeri-negeri Selat yang maju, iaitu Singapura dan Melaka, menjadikan negeri itu terpengaruh dengan permodenan dari segi politik, ekonomi dan sosial. Permodenan yang dimulakan oleh Temenggung Ibrahim (1855-1862) dan diteruskan oleh anaknya, Sultan Abu Bakar (1862-1895) telah mencetuskan revolusi dalam pelbagai bidang. Bidang penerbitan kitab atau buku misalnya, telah bermula sejak pemerintahan Sultan Abu Bakar lagi dengan penerbitan *Kitab Pemimpin Johor* pada 1878 yang ditulis oleh Muhammad Ibrahim Munshi, manakala pada awal pemerintahan Sultan Ibrahim (1895-1959) pula Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa atau PBMPB di Raja telah ditubuhkan.⁶ Namun pada masa itu penerbitan akhbar dan majalah masih belum berlaku di Johor. Hal ini kerana kegiatan intelektual dan kewartawanan masih didominasi oleh Singapura dan penduduk negeri Johor boleh mendapatkan akhbar dari Singapura untuk dijadikan bahan bacaan. Kemajuan ekonomi dan pentadbiran akibat pemodenan yang semakin pesat di Johor telah mewujudkan suasana dan keperluan mendesak untuk mendapatkan bahan bacaan yang lebih banyak khususnya bagi golongan celik huruf. Minat terhadap aktiviti keintelektualan ini akhirnya mendorong masyarakat Melayu di Johor untuk menerbitkan majalah dan akhbar mereka sendiri.

Menariknya, perkembangan awal persuratkhabaran di Johor dimulakan oleh persatuan-persatuan yang ditubuhkan di negeri itu. Persatuan Belia Johor atau lebih dikenali sebagai Persekutuan Ke harapan Belia Johor (PKBJ) yang ditubuhkan pada Januari 1916, misalnya, telah menerbitkan majalah *Harapan* pada tahun 1919.⁷ Walaupun majalah ini hanya dikeluarkan untuk ahlinya sahaja, ianya telah menjadi pemangkin kepada kemunculan majalah-majalah lain di negeri Johor. Sejak itu persatuan-persatuan lain di negeri tersebut turut menerbitkan majalah sebagai suara persatuan mereka bagi menyedarkan dan memberi panduan kepada masyarakat yang telah mengalami banyak perubahan akibat penjajahan dan pemodenan di negeri itu. Persatuan Agama Islam di Johor merupakan antara persatuan agama yang paling awal di Semenanjung Tanah Melayu yang menerbitkan majalahnya sendiri pada tahun 1920.⁸ Seterusnya diikuti pula oleh Persekutuan Perbincangan Orang-orang Islam Muar yang telah menerbitkan *Lidah Teruna* pada 1920 dan diikuti pula oleh Persekutuan Jemaah Al-Islamiah Al-Johorlah yang telah menerbitkan *Al-Johorlah* pada tahun 1926. Persatuan-persatuan lain seperti Kelab Muar dan Persatuan Sahabat Pena Malaya (Paspam) pula masing-masing telah menerbitkan majalah *Taja Penghiburan* (1934) dan *Taman Paspam* (1940).

Selain persatuan, tahun 1920-an turut menyaksikan penyertaan institusi agama Islam dalam bidang penerbitan apabila dua buah madrasah telah menerbitkan majalah mereka. Madrasah Al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil, Muar misalnya, telah menerbitkan *Masa* pada tahun 1924⁹ manakala Madrasah Al-Attas, Johor Bahru pula menerbitkan *Jasa* pada 29 November 1927. *Jasa* merupakan majalah pertama yang diterbitkan oleh orang Arab di Johor walaupun kelompok ini sebenarnya telah lama bergiat dalam bidang penerbitan di Singapura.

Selain persatuan dan institusi agama Islam, apa yang lebih menarik tentang perkembangan persuratkhabaran di Johor ialah penglibatan aktif dalam kalangan persatuan guru-guru di negeri Johor yang turut menerbitkan majalah masing-masing. Hal ini dapat dilihat apabila *Lembaran Guru* (1926) telah diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Islam Muar, *Bulan Melayu* (1930) diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor dan Persekutuan Guru-guru Lelaki Batu Pahat pula menerbitkan majalah *Idaman* (1940). Selain itu, terdapat juga majalah dan akhbar yang diterbitkan oleh pihak tertentu seperti *Lembaga Malaya* (1938) dan *Lembaga* (1938) yang diterbitkan oleh Dato' Onn Jaafar. Turut dikesan majalah yang tidak diketahui sama ada diterbitkan oleh persatuan ataupun orang perseorangan seperti majalah *Perjumpaan Melayu* (1925) yang kemudiannya telah digantikan dengan majalah *Panji-panji Melayu* (1927), *Cahaya* (1930), *Katok-katok* (1930) dan *Majalah Pemuda* (1935).

Kebanyakan akhbar dan majalah yang terbit di Johor sebelum Perang Dunia Kedua diterbitkan secara harian, mingguan atau bulanan meskipun ada juga yang diterbitkan secara tahunan. Dalam hal ini, akhbar dan majalah yang paling banyak dikeluarkan di Johor adalah bercorak bulanan atau dua kali setahun sahaja. Terdapat juga akhbar yang diterbitkan secara mingguan dan harian seperti *Lembaga Malaya* yang diterbitkan seminggu sekali dan *Lembaga* yang dikeluarkan setiap hari. Kebanyakan ruangan dalam akhbar dan majalah di Johor menyentuh hampir semua perkara, daripada persoalan agama hinggalah politik yang berlaku di dalam dan luar negara, ekonomi dan pendidikan orang Melayu. Tulisan jawi digunakan dalam penerbitan kesemua akhbar dan majalah di Johor dalam tempoh tersebut.

Sebagaimana yang diulas di atas, daerah Muar, Johor Bahru dan Batu Pahat mendominasi sepenuhnya penerbitan majalah dan akhbar di negeri Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana ketiga-tiga daerah ini merupakan daerah yang besar dan merupakan pusat pentadbiran penting di negeri itu yang menyebabkan kegiatan ekonomi dan politik berjalan seiring dengan kemajuan pendidikan.¹⁰ Selain itu, jumlah penduduk Melayu yang ramai juga turut mempengaruhi penerbitan akhbar dan majalah Melayu di ketiga-tiga kawasan ini. Contohnya, pada tahun 1925 jumlah penduduk di Johor Bahru adalah seramai 15,321 orang, Muar 13,327 orang dan Batu Pahat 6,392 orang. Jumlah penduduk di tiga daerah ini mengikut kaum pula seperti berikut: Melayu 157,852 orang, Cina 97,253 orang dan India 24,180 orang.¹¹

Namun berbanding Johor Bahru dan Batu Pahat, Muar paling banyak mengeluarkan majalah dan akhbar. Antara tahun 1920 hingga 1941 Muar telah mengeluarkan lapan buah majalah yang telah diterbitkan sama ada oleh orang perseorangan atau melalui persatuan dan madrasah. Kepesatan ini disebabkan Muar merupakan antara daerah terawal yang menjadi pusat pentadbiran moden di Johor.¹² Pada 1885 sistem pentadbiran negeri Johor memperlihatkan kemajuan yang sama dengan sistem pentadbiran Inggeris di Singapura. Pada masa ini sistem pentadbiran Johor telah mempunyai sistem pentadbiran daerah yang agak rapi di mana pentadbiran dibahagikan kepada lima daerah. Daerah Muar salah satunya menerima pelantikan seorang Residen iaitu Ungku Sulaiman dan dibantu oleh beberapa pegawai lain termasuk seorang hakim, seorang pegawai polis, kerani dan pejabat lainnya.¹³ Selain itu, Muar turut menyaksikan suatu perkembangan institusi pendidikan yang agak pesat seperti sekolah dan madrasah dengan kemunculan golongan berpendidikan yang bergiat cergas dalam aktiviti penerbitan akhbar dan majalah. Antara majalah dan akhbar yang diterbitkan di Muar ialah *Masa* (1924) yang diterbitkan oleh madrasah Haji Taib, *Perjumpaan Melayu* (1925) dan *Panji Melayu* (1927) oleh

Matbaah al-Khairiah Muar, dan *Katok-katok* (1930) diterbitkan oleh Ismail Jaafar. Manakala antara majalah yang diterbitkan oleh persatuan di Muar adalah *Lembaran Guru* (1926) oleh Persekutuan Guru-guru Islam Muar, *Taja Penghiburan* oleh Persatuan Muar Kelab Bandar Maharani (1934), dan *Lidah Teruna* (1920) oleh Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar. Namun majalah *Cahaya* (1930) tidak dapat dikesan siapa pengiatnya.

Muar juga merupakan salah satu daerah yang cergas menubuhkan persatuan sejak dari tahun 1920-an. Kemunculan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada tahun 1926 ternyata telah memberi inspirasi baharu kepada penduduk di Johor termasuk Muar. Persatuan-persatuan yang ditubuhkan di daerah tersebut menjadi pusat pertemuan bagi penulis berbincang dan seterusnya menghasilkan penulisan yang menjadi panduan kepada masyarakat Melayu. Muar mempunyai bilangan penduduk yang paling ramai yang terdiri daripada orang Melayu. Contohnya, pada tahun 1932 terdapat 83,102 orang Melayu, 61,084 orang Cina, 13,912 orang India, 160 orang Eropah, 92 orang Eurasian dan lain-lain 650 orang.¹⁴

Kerancangan perkembangan kegiatan penerbitan majalah dan akhbar di Muar turut didorong oleh kewujudan beberapa syarikat percetakan di daerah ini. Muar merupakan bandar yang mempunyai institusi percetakan yang aktif. Sebanyak lebih kurang tujuh buah syarikat percetakan telah muncul di daerah tersebut sebelum Perang Dunia Kedua. Syarikat percetakan tersebut ialah Syarikat Maharani Muar (ditubuhkan pada 1925), Matbaah Al-Khairiah (Welfare Press) (ditubuhkan pada 1925), Matbaah Parit Jamil (ditubuhkan pada 1934), Maharani Press (ditubuhkan pada 1930-an), Daud Press (ditubuhkan pada 1930-an), Johoriah Press (ditubuhkan pada 1930-an) dan Percetakan al-Jamiliah Parit Jawa (ditubuhkan pada 1930-an).

Perkembangan penerbitan di Muar turut didorong oleh pembangunan infrastruktur di daerah tersebut yang dikatakan telah bermula lebih awal berbanding daerah-daerah lain di negeri Johor.¹⁵ Usaha kerajaan negeri dan pentadbiran tempatan membina jalinan perhubungan antara satu daerah dengan daerah yang lain di negeri tersebut dan juga ke negeri-negeri lain, telah mendorong perkembangan pesat penerbitan akhbar dan majalah di Muar. Misalnya, jalan raya telah dibina di daerah Muar sejak penghujung abad ke-19 bagi memudahkan perhubungan antara satu tempat ke satu tempat yang lain.¹⁶ Pada tahun 1928, sebuah jalan raya telah dibina dari Melaka ke Singapura, melalui Muar, Batu Pahat, Pontian Kecil dan Johor Bahru. Jalan raya ini turut menghubungkan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Batu Pahat turut dihubungkan dengan Kluang dan seterusnya jalan baru telah dibina hingga ke Mersing pada tahun 1931.¹⁷ Jalan raya Mersing-Kluang adalah jalan darat pertama yang menghubungkan Pantai Barat Johor dengan Pantai Timur Johor. Jalan raya yang lain juga dibina meliputi Johor Bahru-Yong Peng-Segamat dan seterusnya menghubungkan Johor dengan Gemas di Utara.¹⁸ Sehingga 1935, terdapat 1,237 kilometer jalan berturap, 93 kilometer jalan gravel dan 21 kilometer jalan tanah merah di Tanah Melayu.¹⁹ Selain itu, jalinan jalan keretapi dan jalan raya ini juga telah membantu mempercepatkan pemasaran akhbar dan majalah di daerah itu, ke daerah-daerah lain di Johor dan juga ke negeri-negeri lain di luar Johor.

Sementara itu, Johor Bahru pula merupakan daerah kedua menghasilkan penerbitan akhbar dan majalah di Johor. Hal ini dapat dilihat apabila daerah ini menerbitkan lima buah akhbar dan majalah sebelum Perang Dunia Kedua iaitu *Al-Johoriah* (1926), *Jasa* (1927), *Bulan Melayu* (1930), *Lembaga Malaya* (1938) dan *Lembaga* (1938). Perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di negeri Johor ini turut mencatat sejarah tersendiri apabila kaum wanita di negeri

ini berjaya menerbitkan majalah *Bulan Melayu* pada Jun 1930. Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor yang dipimpin oleh Zainun Sulaiman (atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain) telah berjaya menerbitkan majalah *Bulan Melayu* yang merupakan majalah pertama di Tanah Melayu yang dikelolakan oleh kaum wanita sepenuhnya. Penerbitan *Bulan Melayu* yang dipelopori oleh guru-guru wanita ini merupakan salah satu cara golongan wanita berusaha untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat Melayu khususnya kaum wanita. Menariknya, *Bulan Melayu* adalah antara majalah yang paling lama diterbitkan di Johor iaitu sehingga tahun 1941.

Perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di daerah Johor Bahru turut melakar sejarah penting apabila menerima perpindahan dua akhbar yang berpengaruh dari Singapura. Perpindahan ini berlaku pada tahun 1938 membabitkan *Lembaga Malaya* dan *Lembaga* yang diusahakan oleh anak jati Johor iaitu Dato' Onn Jaafar. Bidang kewartawanan telah menarik perhatian Dato' Onn sejak tahun 1927 lagi apabila beliau menulis dalam *Sunday Mirror*, dan kemudian menjadi pengarang utama *Warta Malaya*. Tindakan Dato' Onn menerbitkan akhbar *Lembaga Malaya* dan *Lembaga* dengan wangnya sendiri telah membuktikan usaha orang Melayu untuk memecahkan penguasaan penerbitan akhbar Melayu oleh saudagar-saudagar Arab di Singapura.

Lembaga Malaya diterbitkan pada 10 Disember 1934 oleh Dato' Onn Jaafar dan rakan kongsinya, Syed Alwi Omar Albar. Akhbar ini dicetak di Royal Press yang terletak di North Bridge Road, Singapura yang juga merupakan pejabat Dato' Onn selaku pengarang utama *Lembaga Malaya*. Akhbar ini beroperasi di Singapura mulai 10 Disember 1934 hingga tahun 1938 dan kemudiannya dipindahkan ke Jalan Meldrum, Johor Bahru mulai tahun 1938 hingga 1941. Perpindahan ini terpaksa dilakukan kerana Dato' Onn telah dilantik oleh Sultan Ibrahim sebagai ahli tidak rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Johor dengan sokongan padu daripada Tengku Mahkota, Tengku Ismail (Dato' Onn pada ketika itu adalah Setiausaha peribadi beliau) pada bulan Oktober 1935.²⁰ Namun, beliau hanya mula bertugas pada 9 Januari 1936. Dato' Onn memimpin akhbar ini dari 10 Disember 1934 hingga tahun 1936, manakala Syed Alwi bin Syed Sheikh Al-Hadi pula bertindak sebagai pengarang dan penerbit akhbar ini dari tahun 1936 hingga 1941. Sementara itu Syed Jaafar Albar telah dilantik sebagai penolong pengarang akhbar ini sepanjang tahun 1938 hingga 1941. Walaupun telah dilantik sebagai Setiausaha Peribadi Tengku Mahkota Johor dan kemudiannya dilantik pula menjadi anggota tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor, Dato' Onn menerima pelantikan tersebut dengan syarat beliau diberikan kebebasan untuk mengutarakan buah fikirannya terhadap perkara-perkara yang dianggap penting atau berfaedah kepada rakyat Johor. Oleh itu, tidak mengejutkan kritikan Dato' Onn masih terus kelihatan baik di dalam akhbar mahupun dalam mana-mana perbahasan yang diadakan meskipun sudah menjawat jawatan dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor. Kesempatan ini turut diambil oleh beliau untuk mengkritik kuasa penjajah terutama dalam soal-soal siasah dan kemasyarakatan dalam negeri Johor.²¹

Penerbitan *Lembaga Malaya* telah mendapat sokongan kewangan daripada sebuah keluarga ahli perniagaan Arab iaitu keluarga Syed Alwi Omar Albar. Melalui sumbangan yang diberikan oleh keluarga Syed Alwi Omar Albar, *Lembaga Malaya* telah menyewa sebuah pejabat cetak di Victoria Street, Singapura. Di sinilah usaha untuk memajukan akhbar ini dijalankan. Syarikat Borneo pula telah memberikan beberapa kemudahan kredit kepada pihak *Lembaga*

Malaya, misalnya, pinjaman berjumlah \$3000.00 untuk membeli sebuah mesin pencetak yang baharu. Beberapa tahun kemudian, tempat percetakan akhbar ini telah berpindah ke North Bridge Road Singapura. Oleh kerana penyebarannya yang begitu meluas terutamanya di sekitar Johor Bahru dan kawasan-kawasan yang berhampiran, Sultan Johor, Sultan Ibrahim sendiri telah memberi suguhati sebanyak \$5000.00 sebagai insentif kepada pihak penerbit akhbar ini.²²

Lembaga Malaya diterbitkan atas keinginan Dato' Onn sendiri yang ingin menyedarkan bangsanya selain dijadikan saluran untuk mengkritik penjajah dan kaum pendatang. Tulisan Dato' Onn dalam *Lembaga Malaya* dari tahun 1934 sehingga 1936 memperlihatkan minatnya yang sama seperti dalam *Warta Malaya* kerana sebelum itu Dato' Onn pernah memimpin *Warta Malaya* yang diterbitkan di Singapura dari tahun 1930 sehingga 1940. Tulisan beliau dalam *Lembaga Malaya* sama seperti pembahagian dalam *Warta Malaya* iaitu tetap membahagikan tulisannya kepada dua bahagian yang jelas, iaitu membidas dasar British dan menegur masyarakat Melayu yang dilihat tidak mengambil berat tentang nasib dan masa depan mereka dalam pelbagai aspek. Selama enam tahun menjadi wartawan, Sultan Ibrahim dan pentadbirannya sering menjadi bahan kritikan Dato' Onn sama ada dalam rencana pengarang atau rencana umum. Hal ini menyebabkan Sultan Johor melantik beliau sebagai Setiausaha Peribadi Tengku Mahkota Johor dan kemudian sebagai anggota tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor secara tersirat perlantikan ini bertujuan untuk mengelakkan beliau daripada terus mengkritik Sultan Ibrahim dan pentadbiran Johor. Terdapat lebih kurang 40 rencana yang ditulis oleh Dato' Onn yang membincangkan pelbagai aspek tentang negeri Johor. Dato' Onn juga pernah membidas pelantikan Dato' Abd. Hamid Menteri Besar Johor yang dianggap oleh beliau kurang berpengalaman dalam bidang pentadbiran.²³ Malah terdapat beberapa rencana yang ditulis oleh Dato' Onn yang ditahan oleh pihak berkuasa negeri Johor kerana kritiknya yang tajam terhadap perjalanan pentadbiran Pejabat Pelajaran Negeri Johor yang tidak memuaskan.²⁴

Berbalik kepada daerah utama kegiatan persuratkhabaran dan majalah, perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di Batu Pahat berlaku agak lewat iaitu pada pertengahan tahun 1930-an. Majalah yang pertama diterbitkan di Batu Pahat ialah majalah *Pemuda* pada tahun 1935. Penerbitan majalah ini dipelopori oleh golongan muda yang dipimpin oleh Daud bin Sulaiman (latar belakang beliau tidak dapat dikesan). Perkembangan majalah di Batu Pahat diteruskan apabila majalah *Idaman* telah diterbitkan pada tahun 1940. Majalah ini merupakan hasil gabungan dan kerjasama Persatuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor dengan Persatuan Guru-guru Lelaki Melayu Batu Pahat.

Rentetan penglibatan secara aktif dalam persatuan, pada tahun 1939, guru-guru lelaki bersepakat untuk menubuhkan sebuah lagi persekutuan guru lelaki di daerah Batu Pahat. Tambahan pula pada ketika itu hanya terdapat satu sahaja pertubuhan guru di negeri Johor iaitu Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor. Motif utama penubuhan persatuan Guru-guru Lelaki Batu Pahat adalah untuk mengukuhkan lagi perjuangan guru-guru Melayu serta memperbaiki kedudukan anak-anak bangsa Melayu terutama dari segi pelajaran. Naim Shukran telah dilantik menjadi setiausaha Persekutuan Guru-guru Melayu Batu Pahat yang bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti persekutuan tersebut. Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh persekutuan ini ialah menerbitkan sebuah majalah yang diselenggarakan oleh persatuan itu sendiri. Mengenai tujuan penubuhannya, surat permohonan bertarikh 2 Ogos 1939

yang dihantar kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor oleh Tuan Syed Alwas penaung persekutuan antara lain menyebut:

...adalah tujuan mengadakan majalah ini kerana dapat guru-guru itu berlatih karang mengarang. Mengeluarkan fikiran serta memberi panduan kepada kanak-kanak sekolah laki-laki Melayu dan perempuan dalam negeri Johor khasnya dan Tanah Melayu amnya...²⁵

Pada masa yang sama juga rundingan-rundingan telah diadakan dengan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor bagi menentukan masa terbitnya majalah usaha bersama ini.²⁶ Melalui pengarangnya Naim Shukran terbukti bahawa kelahiran majalah *Idaman* ini adalah sebagai pembantu rakan sejawatnya *Bulan Melayu* yang telah "gerhana" beberapa bulan itu supaya dapat "memancarkan cahayanya semula" kepada bangsa Melayu terutama kepada kaum guru. Gerhana di sini merujuk kepada penerbitan *Bulan Melayu* yang terhenti seketika kerana Ibu Zain sering tidak sihat dan sibuk dengan urusan sebagai seorang pendidik. *Idaman* mengandungi 80 halaman dan ditulis dalam dua bahagian; 60 halaman pertamanya diperuntukkan bagi bahagian *Idaman* dan 20 halaman berikutnya pula untuk *Bulan Melayu*, di bawah pengarang barunya, Fatimah Yaacob. Nama *Bulan Melayu* dikekalkan kerana bahagian mereka adalah berbeza. Dari segi penulisan, majalah ini tidak berbeza dengan *Bulan Melayu* sebagaimana yang telah ditegaskan oleh pengarangnya bahawa majalah ini diterbitkan dengan maksud mencari manfaat umum. Penerbitan pertamanya adalah pada 16 Jan 1940 dan bukanlah pada 1 Jan 1940 seperti yang pernah dilaporkan oleh beberapa penulisan tentang *Bulan Melayu*.²⁷

Dalam jarak masa lebih kurang dua tahun penyebarannya iaitu sehingga meletus Perang Dunia Kedua, *Idaman* melalui beberapa tokoh guru tempatan lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris,²⁸ telah menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan bahasa dan bangsa Melayu. Mereka merupakan pemimpin-pemimpin kecil masyarakat Melayu yang memperjuangkan penglibatan orang Melayu dalam bidang sosial, ekonomi dan siasah melalui penulisan dalam akhbar dan majalah dan juga dalam bentuk novel. Walaupun isu-isu yang dibentangkan sama seperti *Bulan Melayu* tetapi apa yang nyata, penulisan *Idaman* ini adalah lebih lantang dan berani walaupun terdapat kawalan daripada Penguasa Pelajaran. Nama-nama samaran digunakan bertujuan untuk meluputkan keraguan kerajaan terhadap golongan guru yang berani mengkritik kerajaan secara langsung. *Idaman* juga secara terbuka mengkritik kelemahan masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi dan pentadbiran sedia ada. Persoalan ini ditujukan kepada bangsa Melayu di negeri Johor khususnya dan Semenanjung Tanah Melayu amnya. Selain itu, *Idaman* sarat dengan penulisan yang mengkritik kaum pendatang dan penjajah. Persoalan ekonomi dan politik, selain daripada masalah pelajaran, memberi ruang secara tidak langsung kepada golongan guru untuk memberi sumbangan kepada kemajuan agama, bangsa dan tanah air.²⁹

Secara umumnya, kegiatan keintelektualan dan kewartawanan di Johor telah memperlihatkan satu tahap perkembangan yang agak maju jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain dan tidak jauh terkebelakang daripada Negeri-negeri Selat. Hal ini dibuktikan melalui bilangan penerbitan majalah dan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua di negeri itu iaitu 19 buah berbanding Singapura (44 buah), Pulau Pinang (28 buah), Kelantan (10 buah), Perak (9 buah), Negeri Sembilan (7 buah), Terengganu (sebuah), Kedah (sebuah), Kuala Lumpur (3 buah).³⁰ Kemajuan yang dicapai dalam kegiatan persuratkhabaran

dan majalah di Johor ini disumbangkan oleh beberapa faktor sebagaimana perbincangan berikutnya.

Faktor Kespantasan Kegiatan Persuratkhabaran di Johor

Impak Imperialisme British dan Gerakan Pemodenan

Gerakan pemodenan merupakan salah satu faktor mengapa Johor giat menghasilkan akhbar dan majalah sebelum Perang Dunia Kedua. Usaha pemodenan ini bertitik tolak daripada hasrat pemerintah untuk mengekang kemasukan imperialisme British ke negeri itu yang sudah dirasai sejak Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 lagi. Malah Perjanjian Persahabatan 1885 antara Johor dan pihak British dilihat oleh sesetengah pengkaji sebagai usaha pemerintah Johor iaitu Sultan Abu Bakar (1862-1895) untuk mempertahankan kedaulatan negeri.³¹ Baginda telah mengambil langkah yang bijak apabila turut membawa masuk teknik dan idea Barat ke dalam pentadbiran negeri. Aspek pendidikan dimodenkan manakala undang-undang dan peraturan diambil daripada undang-undang Islam dan Inggeris yang tidak bercanggah dengan Islam. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (1895) juga dibentuk bagi tujuan melindungi kedaulatan negeri Johor. Mulai tahun 1886 Johor mempunyai Lembaga Penasihat yang berpusat di London bagi mengurus dan menasihati hal pentadbiran Johor di dalam dan di luar negara. Pada tahun 1873, Johor telah mempunyai jabatan-jabatan dalam struktur pemerintahannya seperti Jabatan Bendahari, Jabatan Mahkamah, Jabatan Polis, Jabatan Penjara, Jabatan Ukur, Jabatan Laut, Jabatan Perubatan dan Jabatan Keretapi.³² Mereka juga mempunyai hubungan yang erat dengan pengusaha-pengusaha di Singapura untuk menarik pelabur ke Johor. Gerakan memodenkan negeri menyebabkan pembangunan sosioekonomi berlangsung dengan amat pantas di Johor Bahru serta di bandar-bandar lain seperti Muar dan Batu Pahat. Hal ini secara tidak langsung telah memajukan sistem pengangkutan dan komunikasi (termasuk perkhidmatan pos) yang mempercepatkan proses penyampaian dan penyebaran akhbar dan majalah ke seluruh pelusuk negeri Johor.

Menurut Proudfoot, kemajuan komunikasi terutamanya pejabat pos merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada perkembangan penerbitan akhbar dan majalah.³³ Perkhidmatan pos wujud di Johor seawal tahun 1876. Jabatan Pos dikendalikan bukan sahaja di Johor Bahru tetapi juga di Muar, Batu Pahat dan Kota Tinggi. Manakala di Kluang pula pejabat pos dibuka pada tahun 1919.³⁴ Pada tahun 1935, terdapat lebih kurang 27 pejabat pos dan enam agen pos di negeri Johor. Di samping itu, perkembangan dalam sistem pengangkutan turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada kemajuan perkhidmatan pos. Mulai awal tahun 1890-an, jalan-jalan perhubungan yang dahulunya bergantung kepada jalan air mulai bertukar kepada jalan darat. Perubahan ini turut memberi kesan terhadap jalan perhubungan antara Johor Bahru dan Singapura. Sebelum ini jalan utama yang menghubungkan kedua-dua negara adalah melalui feri. Namun begitu kesan perubahan telah menyebabkan terbinanya Tambak Johor pada 1924. Peranan Tambak Johor sebagai penghubung antara Johor dan Singapura juga merupakan antara faktor yang mempercepatkan perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di Johor. Pembinaan tambak Johor yang merentasi Selat Tebrau bermula pada 1919 dan siap pada 1923.³⁵ Kewujudan Tambak Johor ini telah memudahkan urusan pengangkutan alat percetakan dan urusan ulang-alik untuk pengedaran bahan. Di Tambak Johor terdapat dua landasan keretapi dan satu jalan raya. Perkhidmatan keretapi (barang-barang) di Tambak Johor

dibuka pada bulan September 1923 dan perkhidmatan keretapi penumpang dimulakan pada Oktober 1923.³⁶ Pembukaannya dirasmikan oleh Gabenor Sir Laurence Guillemard pada 28 Jun 1924. Panjang Tambak Johor adalah 1,056 meter dengan keluasan 17.3 meter.³⁷ Tambak Johor memudahkan hubungan terus antara Johor dan Singapura. Oleh yang demikian Johor Bahru menjadi pintu masuk yang penting untuk barang-barang luar negeri ke Tanah Melayu dan tidak kurang juga membawa keluar barang-barang dari tanah Melayu ke luar negara.³⁸ Selain penduduk Singapura dan Johor yang berulang-alik menggunakan Tambak Johor ini, pertambahan kenderaan di Tambak Johor juga turut mempercepatkan pengangkutan barang (termasuk akhbar dan majalah) dari Johor ke Singapura dan begitu juga sebaliknya. Pada awal abad ke-19 kesulitan untuk membawa barang-barang timbul kerana sistem pengangkutan pada ketika itu hanya bergantung kepada tongkang-tongkang yang melalui jalan laut disebabkan kemudahan jalan raya masih kurang dan jalan raya yang ada pula terlalu sempit. Pada ketika itu juga sistem pengangkutan menggunakan dua buah kapal ekspres yang dikendalikan oleh Singapura digunakan untuk berulang alik dari Batu Pahat ke Singapura.³⁹ Kemajuan pengangkutan telah menyebabkan ramai penduduk Johor dan Singapura berulang alik antara kedua-dua buah negeri tersebut melalui Tambak Johor. Kewujudan jalan perhubungan yang baik serta kemudahan yang banyak terdapat di Singapura telah mendorong perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di Johor apabila kemudahan tersebut turut dibawa masuk ke Johor.

Pembukaan jaringan infrastruktur seperti jalan raya, jalan keretapi, jalan udara dan laut merupakan sistem perhubungan yang penting dalam pembangunan aktiviti ekonomi, pengangkutan orang ramai dan juga bagi kegunaan perkhidmatan pos. Perkembangan dalam sistem pengangkutan ini memberi manfaat kepada perkembangan penerbitan akhbar dan majalah kerana perkhidmatan pos merupakan alat komunikasi antara pengeluar dengan pelanggan akhbar dan majalah.

Perkembangan Pendidikan

Dekad awal abad ke-20 memperlihatkan perkembangan yang menggalakkan dalam bidang pelajaran orang Melayu termasuk di Johor. Hal ini dibuktikan dengan pertambahan sekolah-sekolah yang didirikan dan juga bertambahnya bilangan anak-anak Melayu yang memasuki sekolah-sekolah Melayu, Inggeris dan agama di negeri itu. Kegiatan pendidikan menyediakan tapak yang subur untuk mewujudkan masyarakat yang celik huruf dan prihatin terhadap ilmu pengetahuan. Di Johor, antara tahun 1929 hingga 1938 misalnya, berlaku peningkatan dalam bilangan kanak-kanak lelaki Melayu yang bersekolah di tiga daerah utama iaitu Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat iaitu daripada jumlah keseluruhan 7,353 orang pada 1929 meningkat kepada 15,097 pada tahun 1938.⁴⁰ Peningkatan dalam bilangan pelajar ini secara tidak langsung membayangkan bertambahnya golongan celik huruf yang secara tidak langsung menggalakkan aktiviti persuratkhabaran.

Golongan celik huruf ini telah mendapat pendidikan dari tiga jenis pendidikan yang berbeza. Ada yang berpendidikan Inggeris dan kebanyakan daripada mereka bertugas dalam perkhidmatan kerajaan. Bahkan terdapat juga golongan yang berpendidikan Melayu dan sekolah agama, mereka merupakan guru-guru sekolah Melayu. Di samping itu, golongan celik huruf ini juga merupakan mereka yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah. Keadaan ini telah melahirkan golongan intelektual Melayu yang akhirnya telah berjuang untuk membentuk

masyarakat Melayu baharu yang bebas daripada belenggu penjajah. Mereka menggunakan akhbar dan majalah untuk mencurahkan perasaan dan membela nasib bangsa Melayu dengan cara memberi teguran, pandangan dan cadangan kepada pemerintah Melayu dan masyarakat Melayu.

Bagi penulis-penulis tahun 1920-an hingga 1941, corak pemikiran dalam penulisan dalam suratkhbar dan majalah adalah berbeza kerana mereka juga mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan dari Timur Tengah, misalnya, terpengaruh dengan perkembangan politik di rantau itu dan mulai sedar tentang perlunya memajukan masyarakat sendiri sesuai dengan perkembangan pengaruh Islam yang berlaku di Timur Tengah. Pendidikan yang diperoleh dari Timur Tengah ini akhirnya telah membuka mata mereka untuk membuka beberapa madrasah dan sekolah agama dan kemudiannya telah menggunakan akhbar dan majalah untuk menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan. Hal ini turut berlaku di Negeri-negeri Selat. Di Pulau Pinang misalnya, golongan berpendidikan Timur Tengah menubuhkan Madrasah al-Mashoor. Di Johor, antara madrasah yang menerbitkan majalah mereka sendiri adalah Madrasah Al-Haji Taib, Parit Jamil yang menerbitkan *Masa* pada 1924 dan Madrasah Al-Attas, Johor Bahru pula menerbitkan *Jasa* pada 1927.

Satu lagi golongan yang bergiat cergas dalam bidang penulisan akhbar dan majalah di Johor antara tahun 1920an hingga 1941 ialah guru-guru sekolah Melayu terutamanya yang lahir dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim. Kemunculan institusi perguruan Melayu ketika itu telah memberi peluang kepada pemuda-pemuda Melayu dari seluruh pelusuk tanahair bergaul sambil membincangkan nasib bangsa Melayu. Hasil pembacaan daripada bahan-bahan bacaan terutamanya dari Indonesia, pemuda-pemuda lulusan sekolah Melayu dan maktab tersebut setelah pulang ke kampung halaman masing-masing dan menjadi golongan pertama yang telah menyemaikan serta menambahkan kesedaran politik secara terbuka dalam kalangan bangsanya. Di MPSI, Naim Shukran, Kasmani Arif, Jamil Markom dan Taib Yang adalah antara anak-anak muda yang telah diasuh supaya memikirkan diri mereka sebagai satu bangsa Melayu dan bukannya berpecah-pecah berdasarkan semangat kenegerian.⁴¹ Mereka inilah yang telah bergiat dalam akhbar di Johor, contohnya, *Idaman*.

Idea-idea kesedaran sosial dari Indonesia turut menyedarkan kelompok lulusan MPSI ini untuk bergerak melalui persatuan-persatuan guru. Melalui sosiolisasi antara keduanya (lulusan maktab dan persatuan-persatuan guru), peranan kelompok ini sebagai organisasi sosial yang amat rapat dengan masyarakat Melayu menjadi lebih berkesan terutamanya untuk menghadapi desakan orang asing yang sentiasa mencabar dan menggugat kemelayuan mereka. Penggugatan "kemelayuan" terutamanya dalam bentuk politik melahirkan kesedaran lain pula. Mereka secara individu mula melibatkan diri dalam kesatuan-kesatuan politik.⁴²

Di Johor, pelatih-pelatih dan guru-guru lepasan MPSI dan penuntut lepasan sekolah Arab (Madrasah dan Mesir) memainkan peranan penting dalam menyumbangkan berita, rencana dan sastera kreatif (cerpen dan puisi) dalam akhbar dan majalah. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang bekerja sebagai guru kerajaan dan persendirian menjalankan kegiatan penulisan itu hanya secara sambilan. Amat kurang sekali guru-guru yang meninggalkan jawatannya untuk bekerja dengan akhbar secara penuh masa. Hal ini disebabkan oleh pendapatan seorang wartawan pada

masa itu kurang memuaskan dan tidak tetap. Mereka bergiat dalam penulisan di akhbar dan majalah ketika itu kerana minat dan bukan kerana ingin menambahkan sumber pendapatan. Oleh kerana mempunyai asas latihan menulis, golongan guru tidak mempunyai masalah untuk bergiat dalam bidang tersebut. Melalui penulisan di akhbar dan majalah, mereka dapat memberikan pandangan, kritikan, membela dan menanamkan semangat cintakan bangsa, agama dan tanah air dalam kalangan pembaca.

Sokongan Pemerintah

Menariknya, perkembangan persuratkhabaran dan majalah yang pesat di Johor telah mendapat perhatian daripada Sultan Johor dan kerajaan negeri yang ternyata sangat mengambil berat tentang perkembangan pelajaran di negeri itu.⁴³ Malah sokongan material (wang dan tanah) daripada kerajaan negeri dan Sultan Johor sendiri dilihat sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kemajuan penerbitan akhbar dan majalah di negeri tersebut. Ekoran perkembangan dalam pendidikan, permintaan terhadap bahan pengajaran dan bahan bacaan dalam bahasa Melayu semakin meningkat. Oleh sebab buku yang sesuai amat kurang, akhbar telah digunakan sebagai bahan rujukan dalam pengajaran.⁴⁴ Pada tahun 1930-an, kerajaan Johor turut mewajibkan penggunaan akhbar dan majalah sebagai sumber bacaan bagi memenuhi kekurangan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu di semua sekolah Melayu iaitu sekolah perempuan, sekolah lelaki dan sekolah agama.

Dalam hal ini dorongan pemerintah ternyata menjadi faktor utama yang menyedarkan orang Melayu tentang pentingnya membudayakan akhbar dan majalah sebagai bahan bacaan bagi meningkatkan lagi perkembangan penerbitan majalah dan akhbar di Johor. Malah apabila majalah *Bulan Melayu* diterbitkan oleh Persekutuan Guru Perempuan Melayu Johor pada 1930, Sultan Johor telah mengarahkan semua sekolah melanggan atau membeli serta menyimpan majalah tersebut di perpustakaan untuk bacaan pelajar. Selain itu, sultan dan kerajaan Johor juga telah menghadiahkan sejumlah \$4,000.00 dan sebidang tanah sebagai tapak bangunan bagi Persekutuan Guru Perempuan Melayu Johor sebagai satu galakan kepada penerbitan *Bulan Melayu* oleh persekutuan tersebut.⁴⁵ Kerajaan Johor juga telah mendirikan sebuah bangunan yang khas untuk persekutuan ini di Johor Bahru dan dibuka dengan rasminya pada 4 Julai 1939 oleh Pemangku Raja dan dihadiri oleh orang-orang kenamaan, ahli jawatankuasa Kesatuan Melayu, cawangan Kaum Ibu Singapura dan ahli-ahli Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor.⁴⁶ Di samping itu, kerajaan Johor juga telah mengecualikan cukai setem bagi persekutuan tersebut.

Selain *Bulan Melayu*, akhbar dan majalah lain yang mendapat bantuan kerajaan negeri dengan sokongan pemerintah ialah *Lembaga*, *Lembaga Malaya*, *Idaman* dan *Lembaran Guru*. Persekutuan Guru-guru Islam Muar (PGIM), misalnya, dalam usaha menerbitkan majalah *Lembaran Guru* telah mendapatkan persetujuan daripada pihak berkuasa pelajaran negeri dan turut mendapat bantuan material (dalam bentuk wang) daripada Sultan Ibrahim.⁴⁷

Penerbitan *Lembaga Malaya* juga turut mendapat sokongan yang padu daripada sultan Johor. Sultan Ibrahim sendiri telah memberi suguhati sebanyak \$5000.00 kepada Dato' Onn kerana penyebaran *Lembaga Malaya* yang begitu meluas terutama dalam kalangan penduduk

Johor Bahru dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Akhirnya, pada 1938 bertapaklah *Lembaga Malaya* dengan mempunyai bangunan sendiri di Meldrum, Johor Bahru.⁴⁸

Idaman juga telah mendapat sokongan kerajaan melalui satu majlis perhimpunan yang telah diadakan pada 26 Mac 1937 oleh guru-guru sekolah Melayu dan Inggeris daerah Batu Pahat, bertempat di Jalan Sultanah. Majlis tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kampung dan guru-guru Melayu negeri Johor. Mereka yang hadir dalam perhimpunan tersebut akhirnya bersetuju menubuhkan Persekutuan Guru-guru Melayu Batu Pahat. Dalam majlis itu juga kerajaan negeri Johor telah bersetuju memberikan sebidang tanah di Jalan Sultanah dan peruntukan berjumlah \$9500.00 bagi kegunaan persekutuan tersebut.

Pengaruh Singapura

Pada awal abad ke-20, kebanyakan percetakan akhbar, majalah dan buku diselenggarakan di Singapura. Demikian juga dengan pengarang-pengarangnya yang sebilangan besar tertumpu di Singapura. Alat-alat keperluan percetakan seperti mesin cetak, kertas, dakwat, huruf timah atau cetak "cap batu" juga mudah didapati di di negeri tersebut. Selain itu, pekerja-pekerja mahir dalam bidang percetakan juga lebih ramai berada di Singapura. Walaupun Johor telah mula memodenkan negerinya sejak tahun 1860-an sewaktu pemerintahan Sultan Abu Bakar, Abdul Rahman Tang melihat Singapura masih lagi meninggalkan pengaruh yang besar terhadap negeri Johor terutamanya dalam bidang keintelektualan dan kewartawanan.⁴⁹

Faktor geografi khususnya kedudukan Johor yang berhampiran dengan Singapura menjadikan negeri itu dapat mencipta beberapa hal yang unik berbanding negeri-negeri Melayu yang lain. Johor, misalnya, berjaya menyesuaikan cara-cara pentadbiran moden yang dijalankan oleh Singapura. Segala perubahan dalam birokrasi dan sektor ekonomi di Singapura telah membuka mata negeri-negeri di Tanah Melayu, lebih-lebih lagi Johor yang begitu dekat kedudukannya dengan Singapura malah juga mempunyai jalinan yang rapat dari sudut sejarahnya. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan peringkat awal penerbitan akhbar dan majalah di Johor banyak dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku di Singapura.

Kemajuan yang dicapai oleh Singapura pada awal abad ke-20 menjadikan kota raya itu sebagai pusat kegiatan komersial dan ekonomi yang begitu penting. Kemasukan begitu ramai peniaga asing ke Singapura menyebabkan wujudnya ejen-ejen perniagaan serta gedung-gedung perniagaan yang memerlukan bahan cetak untuk urusan perdagangan. Kewujudan syarikat-syarikat percetakan ini telah menyebabkan perkembangan syarikat-syarikat akhbar yang memberi kemudahan serta petunjuk kepada ahli-ahli perniagaan mengenai indeks harga barangan, masa keluar masuk kapal, pasang surut air, pengumuman daripada pihak kerajaan dan sebagainya dalam ruang akhbar mereka.⁵⁰ Selain itu, penguatkuasaan undang-undang yang kurang ketat telah menyebabkan perkembangan akhbar-akhbar di Negeri-negeri Selat muncul dengan banyaknya mulai akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Singapura.

Dalam usaha menggalakkan perkembangan persuratkhabaran ini, Singapura turut memberikan lebih banyak peluang kepada penerbitan akhbar-akhbar Melayu. Hal ini telah menyebabkan penerbitan majalah dan akhbar Melayu berkembang lebih pesat di Singapura

berbanding dengan bandar-bandar lain di Semenanjung. Walaupun jumlah penduduk Melayu di Singapura amat kecil, rekod pengedaran akhbar-akhbar Melayu yang paling besar ialah di Singapura kerana Singapura merupakan pasaran yang paling laris untuk setiap penerbitan majalah, akhbar dan juga buku Melayu.

Kepesatan perkembangan pendidikan di Singapura turut memberi kesan kepada Johor. Hal ini terbukti apabila pada awal abad ke-20, Singapura menjadi pusat kegiatan intelektual dan kewartawanan Melayu kerana telah wujud satu kelompok masyarakat Melayu yang memberi impak kepada kegiatan tersebut di negeri itu. Boleh dikatakan ramai antara penulis Johor yang terlibat dalam kegiatan persuratkhabaran merupakan penulis yang dilatih di Singapura.⁵¹ Mereka menulis dalam *Al-Imam, Utusan Melayu, Lembaga Melayu, Lembaga, Lembaga Malaya, Warta Malaya, Warta Jenaka, Warta Ahad, Majlis* dan *Neraca* yang kesemuanya diterbitkan di Singapura. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, terdapat juga akhbar yang pada peringkat awalnya diterbitkan di Singapura tetapi kemudiannya telah berpindah ke Johor seperti yang berlaku kepada *Lembaga Malaya* dan *Lembaga* pada tahun 1938. Hasil daripada perpindahan ini, secara tidak langsung perkembangan budaya dan kesusasteraan Melayu di Johor telah menerima nafas baharu. Media bahasa Melayu ternyata telah mendahului malah mempelopori perjuangan aspirasi rakyat di negeri itu dalam bidang bahasa, budaya, kesusasteraan bahkan politik.

Kesimpulan

Kewujudan lebih 19 buah buah akhbar dan majalah yang telah diterbitkan di Johor sebelum Perang Dunia Kedua membuktikan Johor merupakan antara negeri Melayu yang aktif dalam kegiatan persuratkhabaran dan majalah. Perkembangan akhbar dan majalah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya gerakan pemodenan Johor, kemajuan dalam pendidikan dan keintelektualan, sokongan pemerintah serta pengaruh kemajuan negeri jiran, Singapura. Walaupun sesetengah akhbar dan majalah ini hanya dapat bertahan dalam masa yang singkat atas sebab kewangan, kekurangan pengarang, sekatan pemerintah dan lain-lain, sumbangan akhbar dan majalah di Johor dalam memupuk semangat kesedaran dalam kalangan bangsa Melayu tidak harus diperkecilkan. Akhbar dan majalah negeri ini bertindak senada dengan hasrat pemerintah yakni melahirkan bangsa Melayu yang maju dan berdaulat namun dalam masa yang sama berusaha mengimbangi impak pemodenan yang berlaku di negeri itu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kajian ke atas kegiatan persuratkhabaran dan permajalahan di sebuah negeri itu dapat memperlihatkan bagaimana anak negeri daripada pelbagai latar belakang pendidikan memberi tindakbalas terhadap perkembangan penting yang berlaku di sekeliling mereka, dalam kes Johor, kesan daripada penjajahan dan pemodenan yang dilakukan oleh pemerintah.

Nota

* **Dr. Siti Zahrah Mahfood** (zahrah@fsk.upsi.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

** **Prof. Datin Dr. Mahani Musa** (mahani@usmy.my) merupakan Profesor di Bahagian Sejarah, Universiti Sains Malaysia.

¹ Mohammad bin Dato' Muda, *Tarikh Akhbar*, Bukit Mertajam: Maktbaah al Khiriyah, 1940; W. R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*, London: Oxford University Press, 1972; A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980; Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1984; Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke Sembilan Belas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992; Mohd Sarim Mustajab "Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941", dalam Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani dan Saleh Daud (eds.), *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1997; Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2002; Nordi bin Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003; Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009; Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa (eds.), *Akhbar dan Tokoh Perakhbaran Malaysia Kurun Ke-20*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.

² Mohd Sarim Mustajab, "Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941", dalam Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani dan Saleh Daud (eds.), *Warisan Persuratan Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1997, hlm. 307-319.

³T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 30.

⁴ W. R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (Penterj), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

⁵ Untuk perbincangan tentang permodenan Johor, lihat, Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997; K. Sinclair, "British Advance in Johore 1885-1914", *JMBRAS*, Vol. 11, Part. 1, 1967, hlm. 93-98; Abdul Rahman Tang Abdullah, "Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s-1895: Fact and Fiction on Early Malay Historical Accounts," *JMBRAS*, Vol. 84, Part.1, 2011, hlm. 1-22.

⁶ Keterangan lanjut tentang *Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa* atau PBMPB di Raja, lihat, Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Mahrum Sultan Abu Bakar*, Singapura: Malaya Publishing House Limited, 1940; Nik Safiah Karim, "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu", dalam *Tradisi Johor-Riau Kertas Kerja Hari Sastera 1983*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 41-56.

⁷ *Harapan*, Bil. 1, Jun 1919.

⁸Walaupun Kelantan telah menerbitkan majalah *Pengasuh* pada 1918, majalah ini sebenarnya adalah lidah rasmi Majlis Agama.

⁹ *Masa*, Bil. 7, 1924.

¹⁰ Mohd. Sarim Mustajab, "Perkembangan Surat khabar dan Majalah di Johor 1919-1941", hlm. 308.

¹¹ *Singapore & Malayan Directory, 1925*, Arkib Negara Cawangan Johor (ANMCJ), hlm.10.

¹² Amarjit Kaur, *Seabad Keretapi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1985, hlm. 19.

¹³ Daerah kedua adalah Parit Jawa dan dilantik seorang Penolong Naib, manakala daerah ketiga pula daerah Endau dilantik seorang Residen dan seorang Penolong Naib, dan seorang kerani. Daerah keempat pula Pantai Barat dan Pulau-pulainya, dilantik Pesuruhjaya dengan gelaran Pengawa Kanan dan daerah kelima adalah Sedeli dan Pulau-pulau Pantai Timur dan dilantik Pengawa Kiri sebagai Pesuruhjaya daerah. Lihat, M.A Fawzi Basri dan Hasrom Harun, *Sejarah Johor Moden 1855-1940 Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1978, hlm. 16.

¹⁴ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of 1932* (1933), ANMCJ, hlm. 12.

- ¹⁵ Amarjit Kaur, "Sejarah Pengangkutan di Johor", dlm Abdullah Zakaria Ghazali dan Zainal Abidin Borhan, *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm. 131.
- ¹⁶ M. A. Fawzi Mohd Basri, "Keretapi Muar (The Muar State Railway) 1889-1918", *Jebat*, Vol. 3, No. 4, 1973/74, hlm. 115 & 117.
- ¹⁷ J.A R 1914: *Government Printing Office Johor Bahru*, ANMCJ.
- ¹⁸ GA 295/1913: *Re Opening of an Old Road From the Gemas River to the Boundary of Gemas Estate by the Dunlop Rubber Co. Forward Copies of Correspondence*, ANMCJ.
- ¹⁹ Amarjit Kaur, "Sejarah Pengangkutan di Johor", dlm Abdullah Zakaria Ghazali dan Zainal Abidin Borhan, *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm. 131.
- ²⁰ MBJ 26/36: *Surat Tengku Ismail Kepada Residen British 8 Januari 1936*. ANMCJ).
- ²¹ R. Soenarno, "Malay Nationalisme 1896-1941", *JSEAH*, Vol. 1, No. 1, 1960, hlm. 13.
- ²² Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1985, hlm. 53.
- ²³ *Warta Malaya*, 24 November 1931, hlm. 3
- ²⁴ SS 1225/1931, *Perkara 'Memaklumkan Suatu Rencana yang Berkepalakan 'Patut diadakan' dalam Warta Malaya, bil.76, 1 April 1931*, ANMCJ
- ²⁵ SS3470/1939, *Publication of Malay Publication "Majalah Idaman" by the Malay Teachers' Association Batu Pahat'*, ANMCJ.
- ²⁶ *Idaman*, Bil. 1, 1 Januari 1940, hlm. 1.
- ²⁷ *Idaman*, "Berita Penerbit", Bil. 1, 1 Januari 1940, hlm.3, menjelaskan kelambatan ini disebabkan bekalan kertas terganggu akibat peperangan yang berlaku di negara Barat. Namun begitu tarikh keluarannya telah dicop bertarikh 1 Januari 1940.
- ²⁸Antaranya Naim Shukran, Jamil Markom, Kasmani Hj. Arif, Shahrom Hussin dan lain-lain. Terdapat nama samaran seperti Ngumba (Embong Yahya), Cincati (Mohd Yusuf Awang), Jim, Khadam Melayu, Abha dan lain-lain.
- ²⁹ *Idaman*, Bil. 1, 1 Jan. 1940.
- ³⁰ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2002; W. R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*, London: Oxford University Press, 1972; A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980 dan Mohammad bin Dato' Muda, *Tarikh Akhbar*, Bukit Mertajam: Maktbaah al Khiriyah, 1940.
- ³¹ Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957", Tesis MA, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2015, hlm. 46-50.
- ³² Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Mahrum Sultan Abu Bakar*, Singapura: Malaya Publishing House Limited, 1940, hlm. 19.
- ³³ Ian Proudfoot, "A Formative in Malay Book Publishing", *JMBRAS*, Vol. 59, 1986, hlm. 101.
- ³⁴ GA 581/1917, *Post Telegraph Office at Kluang. Invites Attention of Facts Where by the Above is Needed*, ANMCJ.
- ³⁵ *Johore Annual Report For The Year 1924*, ANMCJ.
- ³⁶ *Johore Annual Report For The Year 1928*, ANMCJ.
- ³⁷ Amarjit Kaur, *Seabad Keretapi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm.39.
- ³⁸ A. J. F. West & J. Rose, *Asia Tenggara Dengan Malaysia dan Singapura*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm.77.
- ³⁹ *Singapore Free Press*, 14 Jun 1894, Kapal-kapal itu adalah 'Aing Ang' dan 'Sultana'.
- ⁴⁰ *Johor Annual Report on Educations for the Year 1929-1938*.
- ⁴¹ Maymon Ariff, "Kegiatan Politik Melayu tahun 1930-an", *Jebat*, Vol. 3, No. 4, 1974/1975, hlm. 41.
- ⁴² Rahmat Saripan, "Kegiatan-kegiatan Awal yang Berbau Politik dan Tumbuhnya Kesatuan Melayu Singapura", *Jebat*, Vol. 1, 1971/72, hlm. 59.
- ⁴³ Lihat, *Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony No.4, Straits Settlement 1894*. Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor*, hlm. 103.
- ⁴⁴ Lihat, *Peraturan Am Sekolah Melayu Johor (1937)*, ANMCJ. W. R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975, hlm. 65.
- ⁴⁵ *Bulan Melayu*, Disember 1931, hlm. 12.

⁴⁶ *Bulan Melayu*, Bil 1, Januari 1940, hlm. 3.

⁴⁷ *Lembaran Guru*, Bil. 1, Julai 1926, hlm. 1.

⁴⁸ Lihat, *Lembaga Malaya*, 22 Julai dan 3 September 1938, hlm. 2.

⁴⁹ Abdul Rahman Tang Abdullah, "Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s-1895", hlm. 1-22.

⁵⁰ Lihat Mohd Sarim Mustajab, *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, hlm.11.

⁵¹ A. Samad A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 80. Pada awal abad ke-20 hingga Perang Dunia Kedua, ramai dalam kalangan wartawan Melayu di Singapura berasal dari Tanah Melayu.

Rujukan

A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa (eds.), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun Ke-20*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.

Abdul Rahman Tang Abdullah, "Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s-1895: Fact and Fiction on Early Malay Historical Accounts", *JMBRAS*, Vol. 84, Part.1, 2011.

Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke Sembilan Belas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.

Amarjit Kaur, *Seabad Keretapi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia, 1985.

Amarjit Kaur, "Sejarah Pengangkutan di Johor", dlm Abdullah Zakaria Ghazali dan Zainal Abidin Borhan, *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of 1932 (1933), Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor (ANMCJ).

Bulan Melayu, Disember 1931.

Bulan Melayu, Bil.1, Januari 1940.

GA 84/1920 *Cost of Roadway on Johore Causeway*. Arkib Negara Malaysia

Cawangan Johor (ANMCJ).

GA 581/1917 *Post Telegraph Office at Kluang. Invites Attention of Facts Where By the Above is Needed.* ANMCJ.

Hamed Mohd. Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran*, Selangor: Karisma Publications, 2002.

Harapan, Bil. 1, Jun 1919.

Harper, T. N., *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999.

Idaman, Bil.1, 1 Januari 1919.

Johore Annual Report 1911.

Johore Annual Report For The Year 1924.

Johore Annual Report For The Year 1928.

Johor Annual Report on Educations for the Year 1929-1938.

Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1984.

Lembaga Malaya, 22 Julai. 1938.

Lembaga Malaya, 3 September 1938.

Lembaran Guru, Bil. 1, Julai 1926.

M.A. Fawzi Mohd Basri, “Keretapi Muar (The Muar State Railway) 1889-1918”, *Jebat*, Vol. 3, No. 4, 1973/74.

MBJ 26/36: *Surat Tengku Ismail kepada Residen British 8 Januari 1936.* ANMCJ. Masa 1924, Bil. 7, 1924.

Maymon Ariff, “Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an”, *Jebat*, Vol. 3, No. 4, 1974/1975.

M.A Fawzi Basri dan Hasrom Harun, *Sejarah Johor Moden 1855-1940 Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1978.

- Mohammad bin Dato' Muda, *Tarikh Akhbar*, Bukit Mertajam: Maktbaah al-Khiriyyah, 1940.
- Mohd Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, Singapura: Malaya Publishing House Limited, 1940.
- Mohd Sarim Mustajab, *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.
- Mohd. Sarim Mustajab, "Perkembangan Surat khabar dan Majalah di Johor 1919-1941", dalam Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdi dan Saleh Daud (eds.), *Warisan persuratan Johor*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 1997.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957", Tesis MA, Universiti Sains Malaysia, 2015.
- Nik Safiah Karim, "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu", dalam *Tradisi Johor-Riau Kertas Kerja Hari Sastera 1983*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Nordi bin Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.
- Peraturan Am Sekolah Melayu Johor (1937)*, ANMCJ.
- Proudfoot, Ian., "A Formative in Malay Book Publishing", *Journal of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol.59, 1986.
- Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Rahmat Saripan, "Kegiatan-kegiatan Awal yang Berbau Politik dan Tumbuhnya Kesatuan Melayu Singapura, *Jebat*, Vol. 1, 1971/1972.
- Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No.4, Straits Settlement 1894.
- Roff, W. R., *Nasionalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.
- Roff, W. R., *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlement and Peninsular Malay State 1876-1941*, London: Oxford University Press, 1972.

Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar*, Petaling Jaya:
Penerbit Fajar Bakti, 1985.

Sinclair, K. "British Advance in Johore 1885-1914" *JMBRAS*, Vol. 11, Part. 1, 1967.

Singapore Free Press, 14 Jun 1894.

Singapore & Malayan Directory, 1925, ANMCJ.

Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Soenarno, R., Malay Nationalisme 1896-1941, *JSEAH* , Vol. 1, No. 1, 1960..

SS1225/ 1931 *Perkara 'Memaklumkan Suatu Rencana yang Berkepalakan 'Patut Diadilkan'*
dalam Warta Malaya, Bil.76, 1 April 1931, ANMCJ.

SS3470/1939 *Publication of Malay Publication "Majalah Idaman" by the Malay*
Teachers' Association Batu Pahat, ANMCJ.

Warta Malaya, 24 November 1931.

West. A. J. F. & J. Rose, *Asia Tenggara Dengan Malaysia dan Singapura*, Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.